

# IMDEX CR TABLET

Isosorbide mononitrate 60mg

---

## Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan Imdex
2. Bagaimana Imdex berfungsi
3. Sebelum mengambil Imdex
4. Cara menggunakan Imdex
5. Semasa menggunakan Imdex
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Imdex
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan Imdex

Imdex digunakan untuk mencegah angina (sakit dada). Angina adalah sakit atau rasa tidak selesa di bahagian dada, selalunya merebak ke bahagian lengan atau leher, dan kadangkala ke bahagian bahu dan belakang. Ini mungkin disebabkan oleh pengaliran darah dan oksigen yang terlalu sedikit ke bahagian jantung. Kesakitan angina biasanya berlaku ketika senaman atau tekanan.

## Bagaimana Imdex berfungsi

Imdex tergolong di dalam kumpulan ubat yang dipanggil kumpulan nitrat. Ia bertindak dengan membesarkan saluran darah dan seterusnya membolehkan lebih banyak darah dan oksigen sampai ke bahagian jantung.

## Sebelum mengambil Imdex

- *Bila tidak boleh mengambil*

Jangan mengambil Imdex jika anda alah kepada ubat-ubatan yang mengandungi isosorbide mononitrat, sebarang ubat nitrat atau nitrit, atau sebarang bahan kandungan ubat yang

disenaraikan pada penghujung risalah ini.

Jangan mengambil Imdex jika anda mengalami:

- tekanan darah yang sangat rendah
- kejutan termasuklah yang disebabkan oleh tekanan darah rendah atau kegagalan fungsi jantung.
- perikarditis (bengkak disekitar jantung)
- otot jantung yang semakin lemah

Anda tidak boleh mengambil Imdex ketika sedang mengambil *sildenafil (Viagra)*, *ildenafil (Levitra)* dan *tadalafil (Cialis)*.

Jangan mengambil Imdex jika anda sedang hamil atau menyusukan bayi. Doktor akan berbincang dengan anda mengenai risiko dan manfaatnya.

Jangan berikan Imdex kepada kanak-kanak.

Tiada sebarang informasi jelas mengenai penggunaannya pada kanak-kanak. Bertanyalah kepada doktor sebelum memberikan sebarang ubat kepada kanak-kanak.

Jangan mengambil Imdex selepas tarikh luput yang dicetak pada pek pembungkusannya atau jika pek pembungkusannya mempunyai tanda-tanda telah dibuka.

Sekiranya sudah luput tarikh atau rosak, pulangkan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Sekiranya anda tidak pasti untuk mengambil ubat ini,

berbincanglah dengan doktor anda.

- *Sebelum mula mengambil*  
Maklumkan kepada doktor anda

1. jika anda alah terhadap sebarang ubat-ubatan, makanan, bahan pewarna atau pengawet.
2. jika anda mempunyai, atau pernah mempunyai sebarang masalah kesihatan seperti berikut:

- Penyakit yang melibatkan hati atau buah pinggang.
- Tekanan darah rendah (ini akan menyebabkan anda berasa pita, lemah dan pening, terutama apabila anda berdiri dengan tiba-tiba.
- Masalah jantung dan saluran darah.

Imdex mungkin tidak selamat untuk diambil sekiranya anda mengalami sebarang keadaan yang tersebut diatas.

- *Jika mengambil ubat lain*

Maklumkan kepada doktor jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan lain, termasuklah:

- sildenafil (Viagra), vardenafil (Levitra), tadalafil (Cialis).
- ubatan lain yang diperolehi tanpa preskripsi di kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Ubat-ubatan ini mungkin memberi kesan kepada cara Imdex berfungsi.

## Cara menggunakan Imdex

Telan keseluruhan tablet Imdex bersama setengah gelas air atau sebarang air lain. Jangan kunyah atau pecahkan tablet itu.

Imdex direka untuk membebaskan kandungannya secara perlahan-lahan untuk beberapa jam. Jika ianya

dipecahkan atau dikunyah, ia tidak akan berfungsi dengan baik.

- Berapa banyak harus digunakan

*Dos dewasa:*

Ambil satu tablet setiap hari. Dos boleh meningkat kepada 120mg setiap hari.

- Bila perlu digunakan

Ambil tablet Imdex setiap hari, pada waktu pagi, masa yang sama setiap hari.

Jika doktor anda mengarahkan anda untuk mengambil dua tablet Imdex 60mg, ambil tablet ini pada masa yang sama setiap hari.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil Imdex selagi diarahkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk mengambil dos anda, ambil sejurus anda teringat, selagi ianya tidak melepasi 8 jam.

Sekiranya telah melepasi 8 jam dari masa anda patut mengambil Imdex, tunggu sahaja untuk waktu dos seterusnya.

Jangan gandakan dos anda.

Jika anda mengalami kesukaran untuk mengingati waktu untuk mengambil ubat anda, tanyalah ahli farmasi anda untuk nasihat.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera melalui panggilan telefon atau kunjungi hospital yang berdekatan jika anda fikir anda atau orang lain telah mengambil Imdex secara berlebihan.

Lakukan perkara tersebut sekalipun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Jika anda mengambil terlalu banyak tablet Imdex, anda mungkin akan berasa berdenyut-denyut di kepala. Anda mungkin juga berasa teruja, wajah kemerah-merahan, berpeluh sejuk, loya dan muntah-muntah.

**Semasa menggunakan Imdex**

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil Imdex dengan tetap setiap hari. Jika tidak, anda adalah lebih terdedah untuk mendapat serangan angina.

Maklumkan kepada doktor anda jika serangan angina berterusan atau serangan itu menjadi lebih kerap.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil ubat yang dikenali sebagai *phosphodiesterase type 5 inhibitor*, yang biasanya digunakan untuk merawat mati pucuk sewaktu mengambil Imdex.

Jangan berhenti mengambil Imdex kecuali anda sudah membincangkannya dengan doktor anda.

Jangan menggunakan Imdex untuk masalah kesihatan yang lain kecuali di atas nasihat doktor anda.

Jangan berikan ubat anda kepada orang lain walaupun simptom atau keadaannya sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Anda akan berasa lega setelah mengambil Imdex, tetapi berwaspada dan jangan melakukan aktiviti fizikal berat selepas itu.

Anda perlukan masa untuk memulihkan keadaan fizikal anda.

Imdex boleh menyebabkan pening dan pengsan dalam sesetengah pesakit, terutama sekali apabila anda mula mengambilnya. Pastikan anda tahu kesan Imdex sebelum anda memandu kereta, mengendalikan mesin, atau membuat apa-apa lagi yang boleh menjadi bahaya jika anda pening

Berhati-hati apabila minum minuman beralkohol ketika anda mengambil Imdex.

Jika anda minum alkohol semasa mengambil Imdex, tekanan darah anda mungkin turun dengan mendadak dan membuat anda pening atau pengsan.

Berbincanglah dengan doktor atau ahli farmasi anda mengenai sebarang kemungkinan ini jika anda fikir ia mungkin mengganggu anda.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan yang lain, Imdex boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan, walaupun bukan pada semua orang.

Maklumkan kepada doktor anda jika anda menyedari sebarang keadaan berikut dan bimbang tentangnya:

- sakit kepala
- berasa pitam
- pening kepala
- mialgia (kesakitan otot).

Sakit kepala adalah kesan sampingan yang paling lazim. Ia boleh berlaku dalam permulaan rawatan dan akan hilang selepas beberapa hari.

Kesemua ini adalah kesan sampingan ringan bagi Imdex.

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers* → *Reporting*).

### Cara peyimpanan dan pelupusan Imdex

#### - Penyimpanan

Simpan ubat anda di dalam pek asal sehingga tiba masa untuk menggunakannya. Jika anda mengeluarkan tablet daripada pek asalnya, ia tidak tersimpan dengan sempurna.

Simpan ubat anda di tempat kering dan sejuk pada suhu bawah 30°C.

Jangan menyimpan Imdex di dalam bilik air atau berdekatan sinki.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan ubat.

Jauhkan ubat daripada capaian kanak-kanak. Simpan ubat di dalam almari berkunci yang terletak sekurang-kurangnya satu setengah meter tinggi.

Jangan tinggalkan di dalam kereta sewaktu hari panas.

#### - Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil Imdex atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk

kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

### Maklumat lanjut

#### - Rupa dan warna produk

Tablet Imdex 60mg CR adalah tablet bersalut, berwarna kuning, berbentuk bujur dan dwicembung, bergores pada satu bahagian dan bertanda CCM pada bahagian yang lain.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- *Isosorbide mononitrate*

Bahan-bahan tidak aktif:

- *Glyceryl behenate*
- *Magnesium stearate*
- *Hydroxypropyl methylcellulose*
- *Opandry yellow*
- *Dibasic calcium phosphate*
- *Aerosil 200*
- *Colloidal silicone dioxide*

#### Nombor MAL

MAL05012310AC

#### **Pengilang**

UPHA PHARMACEUTICAL  
MFG (M) SDN BHD (53667-M)

Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13,  
Bangi Industrial Estate,  
43650, Selangor Darul Ehsan

#### **Pemegang Pendaftaran Produk**

CCM PHARMACEUTICALS  
SDN BHD (277454-W)

Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13,  
Bangi Industrial Estate,  
43650, Selangor Darul Ehsan

#### **Tarikh kemaskini RIMUP**

09/03/2015

Nombor siri

BPFK(R4/1)081214/00076